

**FORMAT PERTANDINGAN
PERTANDINGAN
MURATTAL AL-QURAN & AZAN
(bacaan ala syaikhul qura')**

KATEGORI : LELAKI

PENYERTAAN : SEORANG PESERTA (L) DARI SETIAP MRSM

PERTANDINGAN MURRATUL QURAN

Pembacaan Al-Quran mujawwad melalui tingkatan bacaan Murattal yang mengandungi nilai ilmu kemahiran membaca, seni lagu Al-Quran (aneka jenis irama) menurut pedoman yang telah ditentukan.

Peraturan Umum Pertandingan Murattal Al-Qur'an.

1. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1. Setiap maktab hendaklah menghantar 1 orang wakil lelaki.
2. Peserta dikehendaki menyampaikan bacaan Al-Quran secara murattal mujawwad
3. iaitu meniru gaya bacaan, rentak lagu
4. bacaan 3 ala syaikh sahaja :
5. Syaikh Abdul Rahman Sudais (imam masjidil Haram).
6. Syaikh Saad Al-Ghamidi.
7. Syaikh Masyari Rasyid al-Afasi.

8. Setiap peserta hanya dibenarkan menyertai satu pertandingan sahaja.
9. Peserta dikehendaki memilih hanya satu lagu alunan ala shaikh sahaja dalam bacaan yang dipilih oleh peserta sendiri.
10. Qira'ah yang dibacakan adalah qira'ah Imam Asim riwayat Hafash (toriq as-syatibi) dengan martabat murattal.
11. Surah akan ditetapkan oleh penganjur, terdiri dari juzuk 30 yang akan dimaklumkan sebelum pelaksanaan ihtifal
12. Pertandingan Azan adalah mengikut alunan azan masjidil Haram Makkah dan Masjid Nabawi Madinah sahaja.

2. MASA BACAAN

- 1) Masa bacaan bagi setiap peserta murattal ialah 5 minit.
- 2) Peserta boleh membaca seberapa banyak ayat atau surah asalkan tidak melebihi jangka masa 5 minit.
- 3) Penilaian dan pemarkahan hanya akan dikira sepanjang 5 minit tersebut. Markah tidak akan dikira selepas 5 minit berlalu.
- 4) Loceng pertama akan dibunyikan pada minit yang ke 4 dan loceng kedua akan dibunyikan pada minit yang ke 5.

3. UNDIAN GILIRAN

- 1) Undian giliran hendaklah dibuat serentak semasa pendaftaran yang ditentukan oleh jawatan kuasa pertandingan.
- 2) Peserta hendaklah memilih sendiri nombor undian.
- 3) Sekiranya peserta atau wakil peserta, hadir lambat atau tiada ditempat undian, maka undian akan dibuat oleh jawatan kuasa penganjur.

4. CARA PENGHAKIMAN

Penghakiman bacaan ini dibahagikan kepada 4 bahagian, dengan pecahan markah seperti berikut :

| BAHAGIAN | MARKAH |
|-----------------|-----------------|
| Tajwid | 35 |
| Lagu | 30 |
| Suara | 20 |
| Fasohah | 15 |
| JUMLAH | (100) markah |

1. Seandainya didapati ada mana-mana pasukan yang mendapat markah yang sama, markah tajwid dan fasohah akan diambil kira untuk menentukan kemenangan.
2. Keputusan hakim adalah MUKTAMAD.

5. **PAKAIAN DAN SIKAP**

- 1) Pakaian peserta lelaki, baju kebangsaan yang lengkap.
- 2) Peserta harus bersikap ta'dzim (hormat) kepada Al-Quran, tawadhu dan tadabbur (menghayati makna bacaan).

PERINGATAN

1. Sebarang pertanyaan berkaitan **Pertandingan Murattal Al-Quran** boleh menghubungi Penyelaras Pertandingan **Ustaz Ahmadi Yusman Bin Mohd Yusop** di talian **019-4743012**
2. Tarikh tutup pendaftaran penyertaan (secara atas talian) : **16 Jun 2017 (Jumaat)** .